

TBWA-ISC sambut ulang tahun ketiga

TBWA-ISC/Malaysia Group (TBWA-ISC) menyambut ulang tahun ketiga operasinya di Malaysia dengan berpindah ke pejabat baru di HP Tower di Bukit Damansara, Kuala Lumpur, semalam.

Perasmian pejabat baru itu disempurnakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Turut hadir Tun Dr Siti Hasnah Mohd Ali, Pengerusi TBWA-ISC, Datuk Mukhriz Mahathir dan Ketua Eksekutif TBWA-ISC, Austen Zecha.

Zecha berkata, sejak TBWA-ISC ditubuhkan tiga tahun lalu, operasinya terus kukuh dan menjadi agensi media utama di Malaysia dalam menyediakan perkhidmatan komunikasi bersepadu.

"Dengan perpindahan ke pejabat baru ini, ia membolehkan semua syarikat dalam kumpulan beroperasi di bawah satu bumbung," katanya.

TBWA-ISC ditubuhkan pada

2001 hasil gabungan TBWA Worldwide dan ISC Malaysia.

Anak syarikatnya ialah Tequila-ISC Malaysia, Wizard Media Dynamics Malaysia dan Myalo.

Kumpulan ISC yang diasaskan oleh Mukhriz dan Zecha memulakan perniagaan pengiklanan pada 1994.

Syarikat itu terus berkembang sebagai agensi pengiklanan lengkap sebelum bergabung dengan TBWA.

TBWA yang berpangkalan di Amerika Syarikat pula ialah sebuah daripada sepuluh agensi media utama di dunia.

Ia ialah sebahagian daripada kumpulan Omnicom Group Inc.

Operasi globalnya dilaksanakan menerusi 237 pejabat di 75 negara dengan 8,100 kakitangan.

Antara pelanggan utamanya ialah Adidas, Absolut, Apple, Beiersdorf, Haagen-Dazs, McDonalds, Michelin, Nissan dan Sony PlayStation.



ZECA menyerahkan bola kepada **Dr Mahathir** untuk ditandatangani sebagai tanda merasmikan pejabat TBWA-ISC Malaysia sambil diperhatikan **Mukhriz** di Kuala Lumpur, semalam. - Gambar oleh **Izhari Ariffin**